



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 7/2025

MENTERI KEWANGAN telah menetapkan layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan berikut **berkuat kuasa 1 Julai 2025** iaitu –

PERKHIDMATAN KERJA PEMBINAAN

Kumpulan L, Jadual Pertama
Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

BIL.	PERKARA	LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN
1.	Layanan Cukai Ke Atas Kontrak Kerja <i>Engineering, Procurement, Construction, And Commissioning</i> (EPCC) Bagi Pembinaan Kapal Atau Platform	Pihak industri diberi pilihan untuk menetapkan sendiri maksud pembuatan kapal sama ada pengilangan atau pembinaan tertakluk kepada syarat berikut: (a) Jika syarikat menganggap proses pembuatan kapal sebagai perkhidmatan pembinaan kapal atau platform di bawah skop cukai perkhidmatan, maka ia dikategorikan sebagai projek pembinaan (EPCC/ <i>design & build</i>) dan layak menikmati kemudahan pengecualian <i>business to business</i> (B2B) bagi perkhidmatan profesional; atau (b) Jika syarikat menganggap proses pembuatan kapal sebagai pembuatan kapal atau platform di bawah skop cukai jualan (pengilangan), maka ia dikategorikan sebagai penjualan barang dan tiada cukai perkhidmatan dikenakan. (i) Walau bagaimanapun, syarikat tidak layak menikmati kemudahan pengecualian <i>business to business</i> (B2B) di bawah skop cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan profesional dan perlu menggunakan kaedah kerja pembinaan model tradisional.



BIL.	PERKARA	LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN
2.	Layanan Cukai Bagi Pengilang Berdaftar Cukai Jualan Yang Melaksanakan Kontrak Berkaitan Kerja Pemasangan	(a) Bagi kontrak berkaitan kerja pemasangan yang mengasingkan komponen nilai pembekalan barang dan kerja pemasangan (perkhidmatan): (i) cukai perkhidmatan hanya dikenakan ke atas kerja pemasangan; (ii) pembekalan barang tidak dikenakan cukai perkhidmatan. (b) Bagi kontrak berkaitan kerja pemasangan yang tidak mengasingkan komponen nilai pembekalan barang dan kerja pemasangan (perkhidmatan): (i) jika penyedia perkhidmatan adalah pengilang berdaftar cukai jualan, kerja pemasangan dikira sebagai sebahagian daripada nilai pembekalan barang. Oleh itu, cukai jualan dikenakan ke atas keseluruhan nilai kontrak; (ii) jika penyedia perkhidmatan bukan pengilang berdaftar cukai jualan, nilai pembekalan barang dikira sebagai sebahagian daripada nilai kerja pemasangan. Oleh itu, cukai perkhidmatan dikenakan ke atas keseluruhan nilai kontrak.



BIL.	PERKARA	LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN
3.	Layanan Cukai Ke Atas Invois Berhubung Pembekalan Bahan/ Barang Binaan Dan Perkhidmatan Kerja Pembinaan	(a) Sekiranya penyedia perkhidmatan kerja pembinaan mengeluarkan invois secara berasingan atau pengebilan terperinci (<i>itemised billing</i>) untuk nilai pembekalan bahan/ barang binaan dan perkhidmatan kerja pembinaan: (i) cukai perkhidmatan hanya dikenakan ke atas nilai perkhidmatan kerja pembinaan; (ii) pembekalan bahan/ barang binaan tidak dikenakan cukai perkhidmatan. (b) Sekiranya invois yang dikeluarkan tidak mengasingkan nilai pembekalan bahan/ barang binaan dan perkhidmatan kerja pembinaan, cukai perkhidmatan dikenakan ke atas keseluruhan nilai invois tersebut.

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**